

TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA
MAJLIS PERSARAAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA
YBHG. DATUK Ir. AHMAD REDZA BIN GHULAM RASOOL

“TITISAN ILMU, TABURAN BUDI”

7 DISEMBER 2023 (KHAMIS)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih setulus hati kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia atas undangan ini, saya dapat rasakan majlis pada hari ini adalah begitu istimewa, namun ada kesayuan dalam hati seluruh warga kerjanya (warga kerja JKR Malaysia). Sebagaimana kita sedia maklum, YBhg. Datuk Ir. Redza bin Ghulam Rasool, Ketua Pengarah Kerja Raya bakal menamatkan khidmat bakti dengan kata lain akan bersara wajib dari perkhidmatan awam bermula 11 Disember 2023.

2. Justeru, sebagai tanda ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Redza atas segala jasa bakti dan sumbangan yang amat tinggi nilainya kepada JKR Malaysia khususnya, serta dalam perkhidmatan awam umumnya, majlis ini diadakan khas untuk meraikan Datuk Redza pada hari ini. Meraikan dalam erti kata menghargai dan berterima kasih kepada Datuk Redza sepanjang berkhidmat di JKR Malaysia.

3. Di saat saya melangkah masuk ke dewan, saya terpegun melihat dekorasi cukup menarik, bertemakan siri penyiasatan Inggeris yang begitu popular di penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20 iaitu “Sherlock Holmes”. Saya berfikir sejenak perkaitan di antara Majlis “Titisan Ilmu, Taburan Budi” dengan konsep dekorasi “Sherlock Holmes”.

4. Dapat di agak perwatakan Datuk Redza dilihat mempunyai persamaan dengan karakter *Sherlock Holmes*; bijaksana, tenang, bertoleransi, *critical and analytical thinking* serta seorang yang berilmu. Kata-kata ini bukan pujian semata-mata, tetapi ikhlas dari hati sanubari saya. Tahniah kepada pihak penganjur atas dekorasi yang cukup unik, serta mempunyai maksud yang tersendiri.

5. Sesungguhnya, saya dapat merasai kesayuan dan hiba seluruh keluarga JKR yang bakal kehilangan seorang nakhoda yang cukup berkualiti dalam mengemudi jabatan, waima warga kerja di Kementerian Kerja Raya turut terkesan jua.

Yang indah itu pertemuan
Yang manis itu kemesraan
Yang pahit itu perpisahan
Yang tinggal hanyalah kenangan

6. Mengenal Datuk Redza, personaliti beliau yang sangat *dedicated* dan *passionate* terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan cukup saya hargai. Sikap sendiri beliau yang *down to earth*, boleh dibawa berbincang, *'easy-going'*, *solution solver* dan sentiasa berusaha mempermudah urusan adalah kualiti utama beliau yang perlu dicontohi dan diteladani oleh warga kerja.

7. Saya bertuah, kerana sepanjang tempoh perkhidmatan Datuk Redza sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya, beliau banyak membantu saya dalam memberi khidmat nasihat khususnya melibatkan aspek teknikal dan industri pembinaan.

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang saya hormati,

8. Menempuhi fasa persaraan, perasaan itu tentunya berbeza bagi setiap individu. Sebahagiannya mungkin berasa tidak sabar dan teruja untuk menikmati fasa persaraan, manakala sebahagiannya berasa kluatir apa pula perancangan selepas bersara. Andai kita memandang dari sudut positif, persaraan itu mungkin lebih menyeronokkan.

9. Pasti ganjaran masa yang ada akan menjadi satu peluang dan ruang untuk beraktiviti atau melakukan perkara yang tidak berkesempatan untuk dilakukan tika masih dalam perkhidmatan.

Retirement is an opportunity to embrace a new chapter in life, full of endless possibilities. It's a divine gift that comes with a chance to enjoy the fruits of your labour and pursue your passions. It's a special moment to savour the rewards of your hard work and pursue the things that bring you joy. No one is ever too old to set a new goal or a new dream.

10. Saya percaya, kita semua ingin menggunakan tempoh persaraan dengan sesuatu yang bukan sahaja memberi kepuasan kepada diri dan keluarga, tetapi juga memanfaatkan masyarakat dan negara. Usia bukanlah halangan bagi seseorang untuk memberikan khidmat yang lebih cemerlang. Saya yakin Datuk Redza telah merencanakan perancangan yang sebaiknya selepas bersara.

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang saya hormati,

11. Bersama kita di majlis hari ini juga ialah pegawai-pegawai kanan JKR yang akan mewarisi legasi kepimpinan jabatan. Amanah dan tanggungjawab besar yang perlu digalas bagi meneruskan kesinambungan kepada usaha-usaha yang ditinggalkan oleh *seniors*, serta mengekalkan waima memperkasakan kecemerlangan JKR Malaysia.

“It is up to us to live up to the legacy that was left for us, and to leave a legacy that is worthy of our children and of future generations.”

- *Christine Gregoire*

https://en.wikipedia.org/wiki/Christine_Gregoire

12. Berkhidmat di sektor awam masa kini adalah lebih mencabar berbanding dengan sebelum ini. Era milenia di mana teknologi hanya di hujung jari dan aksesibiliti internet yang meluas serta pelbagai laman sosial yang makin bercambah menjadi cabaran besar dalam perkhidmatan awam.

13. Justeru, warga kerja perlu proaktif, kreatif dan reaktif menangani pelbagai isu khususnya yang melibatkan Kementerian dan jabatan kita, rentetan kepesatan teknologi dan globalisasi. Untuk berjaya, kita harus berupaya menyediakan perancangan yang lebih strategik, yang mungkin berbeza dengan yang pernah kita laksanakan.

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,

14. Mewakili pihak Kementerian dan JKR Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Ahmad Redza bin Ghulam Rasool atas sumbangan dan komitmen yang sangat tinggi sepanjang berkhidmat di JKR.

15. Besar harapan saya agar Datuk Redza terus menyumbang ilmu pengetahuan, kepakaran dan berkongsi pengalaman yang ada demi kepentingan masyarakat dan negara walaupun telah bersara.

Your retirement truly saddens me. On the flip side, I am also happy that you will now be able to spend more time with your loved ones. You will be missed, and I genuinely wish you the best. Please know that I appreciate you.

16. Akhir bicara, Selamat Bersara kepada Datuk Redza, semoga Datuk dan Datin akan terus dilimpahi kasih sayang, dikurniakan kesihatan yang baik dan sentiasa berbahagia hendaknya.

Sekian, terima kasih.